

Raja Berperlembagaan: UMNO tidak ambil tindakan susulan

KUALA LUMPUR 9 Mac — UMNO tidak akan mengambil apa-apa tindakan selanjutnya berhubung dengan usul Raja Berperlembagaan setelah usul itu diserahkan kepada Raja-raja Melayu baru-baru ini.

Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, "itu sajalah yang kita hendak buat."

Beliau menambah, usul yang diserahkan itu adalah untuk dibaca dan difahami oleh raja-raja bagi ditentukan tafsiran sebenar konsep Raja Berperlembagaan.

"Saya juga sudah memberi penjelasan berhubung dengan usul itu semasa mesyuarat Majlis Raja-raja baru-baru ini," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO di sini hari ini.

Memorandum mengenai resolusi Raja Berperlembagaan yang diputuskan oleh perhimpunan agung UMNO yang

lepas telah diserahkan kepada Raja-Raja Melayu pada 26 Februari lalu.

Ditanya tentang sambutan Raja-raja Melayu terhadap memorandum itu, katanya, mereka memahami usul yang disampaikan dan menerimanya dengan baik.

Sementara itu, Dato' Sri Dr. Mahathir menjelaskan, Majlis Tertinggi UMNO sudah merancang langkah-langkah yang perlu diambil untuk memainkan peranan penting dalam menjadikan Malaysia sebuah negara maju dalam tempoh 30 tahun lagi.

Katanya, UMNO akan menentukan peranannya dalam mencapai matlamat tersebut.

"Apa yang penting adalah UMNO terus stabil kerana kekuatan politik dapat mengukuhkan negara serta membolehkan kita mencapai matlamat ekonomi yang ditentukan itu," katanya.